# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 17 SEPTEMBER 2021

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | EGG SHORTAGE HITS LABUAN'S GROCERY STORES, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 2.<br>3. | 100 PASAR TANI OPENED IN PHASE 2 STATES, NEWS IN BRIEF, NST -15<br>FAMA SUMBANG LIMA TAN BUAH, SAYURAN, KOMUNITI KITA, UM -42 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 4. | NELAYAN ASING DIBERI SUNTIKAN VAKSIN PERCUMA, KELANTAN, HARAKAH -H12 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 5. | NADIR BUMI MAMPU UBAH LANDSKAP INDUSTRI PEMBUATAN, GAYA ALAM, UM -26 & 27 | INSTITUT PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 6. | KOMITED KUKUHKAN SEKTOR PERTANIAN, PKS, BISNES, HM -27 | AGROBANK |
| 7.<br>8.<br>9.<br><br>10.<br>11. | PPIK GESA SIASAT HARGA AYAM NAIK KERANA DEDAK, LOKAL, HM -24<br>RM18.2 JUTA UNTUK SABAH, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE<br>PM: MORE THAN RM18 MLN FOR DISASTER MANAGEMANT IN SABAH, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE<br>CULTIVATING WITHING CITY LIMITS, MUKA DEPAN, THE STAR -1<br>GROUPS WELCOME TIMELY URBAN FARMING GUIDELINE, NEWS, THE STAR 2 & 3 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/9/2021 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 3 |

# Egg shortage hits Labuan's grocery stores

**LABUAN:** Grocery stores across the duty-free island here are facing an on-shelf shortage of eggs, as Sabah's suppliers have reduced the supply quota from weekly to monthly.

Labuan Veterinary Services Department (VSD) director Dr Marysia James Abie said the almost two-week shortage was due to Sabah VSD's directive to local egg producers (poultry farms) to reduce export volume since Aug 20.

"The supply of eggs in Sabah is dwindling due to demand from domestic consumers exceeding the production," she said to Bernama yesterday.

Marysia said following the directive, the export volume to Labuan has been reduced from 500,000 eggs weekly to 500,000 eggs monthly.

"This is only temporary as we have liaised with our counterpart in Sabah to assist us in resolving the shortage, and we were told the poultry farms in Sabah are increasing the production," she said.

Marysia said another solution is to allow Sarawak and the peninsula to export eggs to the island. "We expect the supply to return to normal in the next one to two weeks. We hope the consumer can understand the situation and we will do our part to resolve this shortage," she said.

Bernama was told the egg supply has dwindled in Sabah as the Covid-19 pandemic has confined people to their homes and stoked a panic-buying frenzy.

Most chicken and poultry farms agree the pandemic was a factor in people's decisions to be more self-sufficient in food sourcing. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/9/2021 | NST | NEWS WITHOUT BORDERS | 15 |

# 100 pasar tani opened in Phase 2 states

**JASIN:** Some 100 of 312 farmers' markets (*pasar tani*) have opened in states under Phase Two of the National Recovery Plan and this involves about 4,000 traders, said Federal Agricultural Marketing Authority board member Datuk Ghazale Muhamad. He said the opening of the farmers' markets was for seven commodities allowed for sale: fruits, vegetables, seafood, meat, processed chicken, groceries, small- and medium-scale industry products as well as packaged food and beverages. "For now, only Kedah and Johor have not been allowed to start operating farmers' markets as these states are still under Phase One," he said after visiting the Jasin farmers' market here on Wednesday. **Bernama**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/9/2021 | UTUSAN MALAYSIA | KOMUNITI KITA | 42 |




# FAMA sumbang lima tan buah, sayuran

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyumbang hampir lima tan metrik hasil tanaman petani dan produk industri makanan di 15 buah lokasi seluruh Negeri Sembilan menerusi inisiatif MAFI Prihatin.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Bakri Sawir berkata, sumbangan daripada bulan Jun sehingga ke hari ini telah memberi manfaat kepada 1,564 penerima terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Program ini adalah bagi membantu memasarkan lebihan pengeluaran hasil pertanian tempatan. Seramai 68 petani dan 20 usahawan yang dibantu sempena pelaksanaan program ini membabitkan jumlah sumbangan sebanyak RM12,570.50.

"Pada hari ini, lebih 100 sumbangan bakul makanan MAFI disumbangkan terdiri daripada hasil tanaman antaranya tembikai dari Linggi, timun dari Jempol dan jagung dari Kuala Pilah," katanya.

■BAKRI Sawir (dua dari kiri) melihat barangan sumbangan sempena Program MAFI #Kitabersama:RT CARES di Pusat Rukun Tetangga Gemencheh Baru, Tampin baru-baru ini. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/9/2021 | HARAKAH | KELANTAN | H12 |

# Nelayan asing diberi suntikan vaksin percuma

Oleh **ZULKEFLI HUSSIN**

**PASIR PUTEH:** Lebih 500 nelayan asing yang berkerja dengan pengusaha 10 pengusaha bot laut dalam tempatan di Tok Bali mendapat suntikan vaksin jenis Pfizer secara percuma.

Bagaimanapun nelayan terbabit dikenakan beberapa syarat termasuk mempunyai pasport yang sah memasuki negara ini dan buku pelaut dikeluarkan Jabatan Perikanan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bio Teknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, nelayan terbabit berasal dari Laos, Thailand dan Vietnam.

Katanya, mereka bersetuju divaksinkan pada program yang diadakan dengan kerjasama Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kelantan.

"Program pemberian dos pertama vaksin itu dilaksanakan selama dua hari," katanya kepada pemberita pada majlis berkenaan yang diadakan di Pejabat Pusat Khidmat Dun Semerak di sini Jumaat lepas.

Turut hadir Pengarah LKIM Kelantan Khuzaimah Husain dan Pengarah Jabatan Perikanan Kelantan Nazri Ishak.

Tuan Mohd Saripudin berkata, dos kedua akan diadakan pada 1 Oktober depan sebagai usaha menyekat penularan wabak berkenaan dalam kalangan nelayan.

Sementara itu, Adun Semerak Wan Hassan Wan Ibrahim berkata, kerajaan turut memberi suntikan percuma terhadap pekerja binaan warga asing dan industri keropok yang banyak terdapat di Semerak dan Kampung Pachakan.



Nelayan asing mendaftar mendapat suntikan vaksin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/9/2021 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA ALAM | 26 |

# Nadir bumi mampu ubah landskap industri pembuatan

Oleh LAUPA JUNUS
laupa.junus@mediamulia.com.my

DALAM pada kita menyekutukan radioaktif kepada perkara perkara negatif, sebaliknya ada kebaikan sampingan yang memberi manfaat dalam sektor sektor tertentu.

Ini yang cuba dibuktikan daripada industri nadir bumi yang menjadi isu satu ketika dulu.

Nadir bumi (*rare earth*) merujuk kepada sekumpulan 17 unsur kimia yang wujud secara semula jadi dalam kerak bumi tetapi sukar dikeluarkan.

Ia merupakan elemen yang penting dalam inovasi teknologi hijau memandangkan dunia termasuklah Malaysia mula beralih kepada ekonomi yang berasaskan teknologi bersih.

Ketika ini, China adalah pengeluar utama nadir bumi dengan anggaran 97 peratus daripada pengeluaran global.

Menurut seorang penyelidik Program Sains Tanah dan Air Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI), Faridah Manaf, dengan gaya hidup digital pada masa ini, penyelidikan nadir bumi dilihat berpotensi mengubah landskap industri pembuatan terutamanya dalam menjana dan mengukuhkan ekonomi negara. Dalam pada masa yang sama dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada pembekal daripada luar.

Namun, beliau menegaskan amat penting untuk memastikan semua peraturan yang dikuat kuasa mestilah dipatuhi dan prosedur operasi standard (SOP) untuk penyelidikan nadir bumi ini mestilah dibangunkan terlebih dahulu.



FARIDAH MANAF

Ia sebagai garis panduan atau piawaian untuk penyelidikan dalam bidang berkenaan sekiranya kajian ini dijalankan di negara ini.

Dalam pada itu, isu CondiSoil sebenarnya lebih kepada bahan sisa yang terhasil daripada industri nadir bumi.

Condisoil adalah produk perapi tanah yang telah dibangunkan oleh Lynas Malaysia Sdn. Bhd. menggunakan campuran dua bahan sampingan utama (sisa) yang terhasil daripada proses pengekstrakan nadir bumi iaitu *Water Leach Purification* (WLP) dan *Neutralization Underflow* (NUF) bersama-sama bahan organik konvensional.



CONDISOIL diadun sebelum digunakan pada plot percubaan.

Menurut Faridah, kedua-dua bahan iaitu WLP dan NUF kaya dengan unsur nutrien yang diperlukan oleh tanah iaitu magnesium (Mg) dan juga kalsium sulfat ($CaSO_4$) atau disebut sebagai gypsum.

Berdasarkan latar belakang projek, katanya, pada 4 Disember 2018, keputusan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) berdasarkan laporan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) di Gebeng, Pahang menetapkan bahawa kajian penyelidikan kitar semula sisa hanya dibenarkan untuk NUF sahaja yang merupakan bahan bukan radioaktif.

Kajian yang melibatkan sisa WLP yang mengandungi bahan radioaktif tidak lagi dibenarkan.

MARDI pula, katanya, tidak terlibat secara langsung dalam penyelidikan pembangunan (R&D) produk CondiSoil.

Walau bagaimanapun MARDI berpendapat penyelidikan CondiSoil tersebut penting bagi memastikan dan menilai produk itu dapat digunakan dengan selamat dan mematuhi semua syarat yang ditetapkan, sekiranya ia boleh dikomersialkan sebagai produk pertanian selepas mendapat kebenaran.

Berdasarkan kajian, CondiSoil menunjukkan potensi yang sesuai untuk menjadi bahan alternatif kepada kapur dan baja tahi ayam (*chicken manure*) yang digunakan sebagai amalan semasa di tanah bris (tanah berpasir yang merupakan tanah yang kurang subur untuk produktiviti tanaman) pada masa ini.

Ini kerana ia mempunyai beberapa ciri yang sesuai untuk dijadikan sebagai bahan perapi tanah iaitu nilai pH yang tinggi, kandungan lembapan yang baik dan kandungan kalsium (Ca) yang tinggi.

## TAHAP BERKESAN

Tujuan kajian CondiSoil sebelum ini adalah melihat tahap keberkesanannya sebagai bahan perapi untuk tanah bris.



CONDISOIL digunakan pada tanaman jagung.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/9/2021 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA ALAM | 27 |

**UNSUR NADIR BUMI**

- » Scandium,
- » Yttrium
- » Lanthanum
- » Cerium
- » Praseodymium
- » Neodymium
- » Promethium
- » Samarium
- » Europium
- » Gadolinium
- » Terbium
- » Holmium
- » Dysprosium
- » Erbium
- » Thulium
- » Ytterbium
- » Lutetium




**CONDISOIL** digunakan pada plot percubaan di ladang sebelum penanaman.




**PENGGUNAAN** Condisoil diuji pada tanaman rumput napier.

Tanah bris dikategorikan sebagai salah satu tanah bermasalah di negara ini selain tanah gambut dan tanah asid sulfat.

"Masalah utama tanah bris ialah nilai pH tanah yang rendah, kadar resapan yang tinggi serta struktur tanahnya yang lemah menyebabkan air dan kebanyakan nutrien yang diperlukan oleh tanah tidak dapat bertahan dalam tanah jenis itu dalam tempoh masa yang lama.

"Keadaan ini menyebabkan aktiviti pertanian di tanah bris memerlukan kuantiti dan kekerapan input (seperti kapur dan baja) yang tinggi berbanding tanah mineral yang lain," ujarnya.

Hasil kajian skala kecil yang dijalankan sebelum ini menunjukkan CondiSoil mempunyai keupayaan untuk meningkatkan nilai pH tanah, kandungan organik serta mengurangkan kadar penyusupan tanah bris.

Hasil tanaman turut menunjukkan peningkatan yang signifikan berbanding amalan semasa yang digunakan.

Sepanjang kajian, program pemantauan persekitaran (*environmental monitoring programme*) dari segi kandungan logam berat dan kandungan radioaktif turut dijalankan secara teliti di semua lokasi kajian, pada sampel tanah, air dan tanaman.

Tujuan pemantauan tersebut adalah bagi memastikan dan memantau sekiranya terdapat pengumpulan (*accumulation*) bahan-bahan tersebut iaitu logam berat dan radioaktif dalam rantaian makanan bermula dari pemantauan dari dalam tanah sehingga ke pengambilan oleh tanaman yang digunakan dalam kajian ini.

Hasil pemantauan yang telah dijalankan menunjukkan tiada pengumpulan bahan-bahan tersebut sama ada di dalam tanah mahupun tanaman yang digunakan dalam kajian tersebut.

Namun, menurut Faridah, jika kajian CondiSoil ini dapat diteruskan sekali pun, MARDI berpendapat kajian lanjut masih diperlukan untuk melihat keberkesanannya dalam aktiviti pertanian.

**KAJIAN DUA MUSIM**

Ini kerana kajian yang dijalankan sebelum ini hanya melibatkan dua musim sahaja.

Menurut Faridah, tempoh masa yang diperlukan bagi mendapat data berkaitan yang lebih stabil dan membolehkan sebarang keputusan dan penelitian selanjutnya dibuat, sekiranya CondiSoil dibenarkan untuk pengkomersialan sekurang-kurangnya lima musim.

Dalam penyelidikan tersebut, MARDI hanya berperanan pada peringkat penilaian keberkesanan produk CondiSoil sebagai perapi tanah (*soil conditioner*) di lapangan yang melibatkan kajian skala kecil di Stesen MARDI Cherating, Pahang untuk beberapa tanaman terpilih seperti rumput napier, jagung dan kelapa.

MARDI terlibat dalam penyelidikan Condisoil bermula 2016 sehingga 2017 bersama Universiti Kebangsaan Malaysai (UKM) dan Agens Nuklear Malaysia untuk program pemantauan persekitaran.

Ia bagi analisis yang melibatkan alam sekitar iaitu penilaian logam berat dan kandungan radioaktif dalam semua sampel air, tanah dan tanaman yang diuji dalam kajian di lapangan.

Projek itu melibatkan tujuh penyelidik daripada MARDI dan tiga daripada UKM.

Peranan MARDI hanyalah pada skop yang melibatkan agronomi iaitu kajian peringkatan kesuburan tanah bris dan juga pengeluaran hasil tanaman menggunakan produk yang diuji.

Beliau berkata, seperti yang ditekankan sebelum ini dan semua pihak telah akur berkenaan keputusan MESTECC iaitu Malaysia tidak boleh lagi memfokuskan kepada CondiSoil.

Ini kerana ia mengandungi sisa WLP yang tidak lagi dibenarkan untuk aktiviti kajian.

Namun, dari segi bidang pertanian terutamanya, MARDI berpendapat, momentum dan usaha penyelidikan CondiSoil yang dijalankan sebelum ini iaitu sebelum keputusan MESTECC dikeluarkan, berpotensi diteruskan dan difokuskan hanya pada kajian sisa NUF sahaja.

NUF dibenarkan untuk kajian jangka masa panjang dengan syarat ia mematuhi semua garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Bahan NUF yang kaya dengan unsur magnesium (Mg) ini dilihat berpotensi untuk menjadi alternatif kepada mineral *kieserite* yang sepenuhnya diimport oleh Malaysia sebagai sumber Mg dalam industri pertanian.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/9/2021 | HARIAN METRO | BISNES | 27 |

# Komited kukuhkan sektor pertanian, PKS

**Kuala Lumpur:** Agrobank terus komited untuk menyokong pembangunan taraf sosioekonomi rakyat Malaysia menerusi pelbagai inisiatif dan program keusahawanan yang dibangunkan khusus untuk memulihkan ekonomi serta perniagaan bagi golongan yang terkesan sepanjang tempoh pandemik Covid-19.

Penanggung Tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar berkata, sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP), fokus utama Agrobank adalah untuk mengukuhkan sektor pertanian dan membangunkan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Ia termasuk komuniti yang terpinggir dan kurang mendapat perhatian seperti golongan B40, wanita, orang kurang upaya dan asnaf menerusi program-program pembangunan sosial yang dibentuk khas untuk memastikan nasib komuniti ini terus terjaga dan dibela.

"Ini bertujuan memastikan supaya komuniti ini terus dibantu dan mampu meningkatkan status sosioekonomi semasa mereka terutama dalam keadaan negara yang kini beralih ke fasa endamik Covid-19," katanya dalam kenyataan.

*Ini bertujuan memastikan supaya komuniti ini terus dibantu dan mampu meningkatkan status sosioekonomi semasa mereka terutamanya dalam keadaan negara yang kini beralih ke fasa endamik Covid-19"*

**Khadijah Iskandar**



Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz yang menyarankan IKP memberikan sokongan penuh kepada negara dalam tempoh pemulihan ini dengan memainkan peranan strategik dan penting dengan memulih dan memelihara kapasiti perniagaan serta menyediakan pelbagai peluang.

Menurutnya, Agrobank sudah membantu ramai usahawan menerusi Dana Pembiayaan Mikro Kredit yang berjumlah RM350 juta menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) kepada komuniti agro terjejas akibat pandemik itu, bank itu sudah menyalurkan bantuan berkenaan pada Jun tahun lalu.

"Setakat 31 Julai 2021, Agrobank sudah meluluskan pembiayaan sebanyak RM200.4 juta di bawah pembiayaan AgroMakanan Penjana yang membabitkan kira-kira lebih 16,000 usahawan daripada komuniti Agro," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/9/2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 24 |

# PPIK gesa siasat harga ayam naik kerana dedak

**Kota Bharu:** Persatuan Pengguna Islam Kelantan (PPIK) menggesa pihak berkuasa menyiasat dakwaan kononnya peningkatan kos dedak dan anak ayam menyebabkan kenaikan melambung harga ayam di pasaran sekarang ini.

Yang Dipertuanya, Datuk Seri Dr Mohd Fared Abdul Ghani berkata, hasil tinjauan PPIK terhadap peniaga, pemborong, pembekal dan penternak mendapati alasan berkenaan dilihat seakan satu muslihat pemain industri ayam bagi menaikkan harga.

"Kerajaan tidak seharusnya melayan alasan kononnya kenaikan harga ayam itu disebabkan peningkatan kos dedak dan anak ayam sedangkan perbezaan harga di pasaran sangat tidak seimbang.

"Amat ketara sekali perbezaan harga antara pasar raya besar, pasar raya, pasar basah awam sehinggalah peruncit di tepi jalan maka tidak munasabah jika alasan itu menyebabkan harga ayam naik melambung dan tidak seimbang," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mohd Fared berkata, pihaknya berharap kerajaan tidak mengambil masa lama menyelesaikan masalah berbangkit itu kerana ia menjadi isu pengguna di seluruh negara.

Menurutnya, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu segera turun padang bagi mendapatkan maklumat sebenar berhubung isu berkenaan.



17 SEP, 2021

## RM18.2 JUTA UNTUK SABAH

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



# RM18.2 JUTA UNTUK SABAH

## Peruntukan menerusi NADMA untuk bantuan persediaan bencana

Oleh Siti Aisyah Narudin

**KOTA KINABALU: Kerajaan Persekutuan menerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) menyampaikan peruntukan berjumlah RM18.2 juta untuk bantuan persediaan bencana di negeri ini.**

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyampaikan replika cek peruntukan berkenaan kepada Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor selepas mengikuti taklimat serta pembentangan pembangunan negeri di Menara Kinabalu di sini semalam.

Ismail berkata, keperluan pembangunan Sabah akan terus diberi perhatian termasuk keutamaan dalam pelaksanaan projek pembangunan untuk rakyat seperti kemudahan sekolah dan infrastruktur.

Beliau turut maklum berhubung kejadian tanah runtuh dan banjir yang melanda beberapa daerah berikutan cuaca buruk yang melanda negeri ini kelmarin.

Sehubungan itu katanya, kerajaan akan mempertimbangkan untuk menyalurkan lebih banyak dana terutama untuk daerah Penampang yang menanggung jumlah kerosakan yang tinggi akibat bencana.

Sesi taklimat berkenaan disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Panglima Safar Untong.

Lawatan rasmi Ismail ke Sabah adalah yang pertama selepas beliau secara rasmi menjadi Perdana Menteri pada 21 Ogos lepas.

Beliau melancarkan sambutan Hari Malaysia yang diadakan mengikut pematuhan ketat prosedur operasi standard (SOP) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) di sini malam tadi.

Turut mengiringi beliau Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Ongkili; Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa dan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Panglima Dr. Ronald Kiandee.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kerja Raya Datuk Seri Bung Moktar Radin.



**PERUNTUKAN: Ismail (tiga kiri) menyampaikan replika cek peruntukan bencana negeri kepada Hajiji (tiga kanan) selepas taklimat berkenaan. Turut kelihatan Bung (dua kanan) dan Safar (kanan).**

AUTHOR: Siti Aisyah Narudin SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 1 PRINTED SIZE: 351.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,425.00 ITEM ID: MY0045265274



17 SEP, 2021

# RM18.2 JUTA UNTUK SABAH

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



## SUMMARIES

O Peruntukan menerusi NADMA untuk bantuan persediaan bencana

KOTA KINABALU: Kerajaan Persekutuan menerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) menyampaikan peruntukan berjumlah RM18.2 juta untuk bantuan persediaan bencana di negeri ini. Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyampaikan replika cek peruntukan berkenaan kepada Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor selepas mengikut taklimat serta pembentangan pembangunan negeri di Menara Kinabalu di sini semalam.

AUTHOR: No author available SECTION: HOME PAGE: 2 PRINTED SIZE: 256.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 3,491.00 ITEM ID: MY0045265609



17 SEP, 2021

# PM: More than RM18 mln for disaster management in Sabah

Borneo Post (Kuching), Malaysia



Sabah

## PM: More than RM18 mln for disaster management in Sabah

**KOTA KINABALU:** The federal government through the National Disaster Management Agency (Nadma) has allocated more than RM18.24 million to help Sabah manage counter measures against disasters to ensure the welfare of those affected is always protected.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the allocation would be used for buying 2,000 units of Food Kits (RM160,000), 2,500 units of C-Tents (RM961,250), as well as the operations of the State Disaster Management Committee (RM20,000), operations of 22 districts under the Disaster Management Committee (RM1,100,000) and Covid-19 operations management (RM16 million).

"I hope part of this allocation can be used to manage disasters and ease the burden of victims of the landslide in Penampang, Sabah yesterday (Wednesday).

"I also sympathise with the families of those who lost their lives," he added.

He said this in a statement after presenting a mock cheque on the allocation to Sabah Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor at Menara Kinabalu here yesterday.



Ismail Sabri (second left) meeting with residents whose homes were damaged during the landslide at Kampung Madsiang. — Bernama photo

Earlier, Ismail Sabri attended a briefing on Sabah's development, in the presence of Communications and Multimedia Minister Tan Sri Annuar Musa, Minister in the Prime Minister's Department (Sabah and Sarawak Affairs) Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee and state cabinet ministers.

The prime minister also said the government has agreed to increase the compassionate aid (Bantuan Wang Ihsan or BWI) from RM500 to RM1,000 for each household affected during the northeast monsoon, or other disasters declared by the Central Disaster Management Committee (JPBP).

He said the matter was decided in the JPBP meeting chaired by him on Sept 13.

He said the assistance was among the new approaches taken by the government in an effort to improve management and preparedness to face the northeast monsoon, which is expected to take place from early November until the end of March 2022, involving the east coast states, Johor, Sabah and Sarawak.

"The provision of this assistance is not a form of compensation for damage to the home and property suffered by the victim, but to ease the burden borne by them. This initiative is expected to ease the burden of more than 39,100 households, involving an allocation of more than RM39.5 million from the National Disaster Relief Trust Fund."

Ismail Sabri said the decision to increase the aid also demonstrated the government's concern for the victims of the disaster, coupled with the economic impact faced by the people due to the Covid-19 pandemic. — Bernama

AUTHOR: No author available SECTION: HOME PAGE: 2 PRINTED SIZE: 256.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 3,491.00 ITEM ID: MY0045265609



17 SEP, 2021

# PM: More than RM18 mln for disaster management in Sabah

Borneo Post (Kuching), Malaysia



## SUMMARIES

KOTA KINABALU: The federal government through the National Disaster Management Agency (Nadma) has allocated more tha RM18.24 million to help Sabah manage counter measures against disasters to ensure the welfare of those affected is always protected. Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the allocation would be used for buying 2,000 units of Food Kits (RMI60,000), 2,500 units of CTents (RM96i,250), as well as the operations of the State Disaster Management Committee (RM2(

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/9/2021 | THE STAR | MUKA DEPAN | 1 |

# Cultivating within city limits



**Ready for harvest:** A resident of Seri Perlis 2 flats in Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur gathering crops from a neighbourhood garden project.

As more people try their hand at urban farming during these trying times, a policy to regulate the activity becomes a guide for them to learn about managing community farms in an organised and sustainable manner. >2&3

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/9/2021 | THE STAR | VIEWS | 2 |

**STAR METRO WATCH**

**R&RS REOPEN**
More than 80% of PLUS Malaysia Bhd (PLUS) business partners at its rest and service areas (R&R) have been fully vaccinated, in compliance with the National Security Council's (NSC) vaccination standard operating procedure, and are now ready to serve highway customers at seven R&Rs and lay-bys along PLUS highways.

**MUSICAL FOUNTAIN**
The Laman Budaya Musical Fountain in Jalan Indah, Section 14, Shah Alam will be open starting today (Sept 17) on Fridays, Saturdays and Sundays. Visitors can enjoy fountain shows, including music & coloured lights from 8.30pm to 9.30pm. Only those who are fully vaccinated will be allowed and visitors are reminded to adhere to Covid-19 standard operating procedures.

**PHOTOGRAPHY CONTESTS**
> Perak Department of Environment is holding a photography competition in conjunction with National Environment Day. The competition is open to all school and tertiary education students. Deadline for submission is Nov 30. For details, visit the department's Jabatan Alam Sekitar Facebook page.
> The Shah Alam Photography Competition is open to Malaysians aged 18 and above. Categories include iconic buildings in Shah Alam, council assets, nature, new norm culture and lifestyle. Deadline to register is Nov 1. To download entry forms, visit https://bit.ly/3l4xrAZ.

**HAPPINESS WORKSHOP**
Art of Living is hosting a free Health and Happiness Workshop. During the experiential session, participants will learn tips to manage emotions and de-stress naturally using breath. The event is on Sept 19, from 5pm to 6pm via Zoom. To register, visit https://bit.ly/3hq8AXo and for details, call 011-3660 0669, 019-271 9126 or 014-9482 334.

**COUNCIL MATTERS**
> Kuala Langat Municipal Council (MPKL) is offering up to 80% discount on parking-related offences from now until Sept 9, 2022. The public can check their compounds via the Smart Selangor Parking app and pay at MPKL counters, Jompay or online. For details, call 03-3181 1809 or visit www.mpkl.gov.my
> Shah Alam City Council is opening reservations of its halls for sports and recreational activities. Only those who are fully vaccinated will be allowed in and face masks must be worn before and after the activities. Activities allowed include badminton, sepak takraw, taekwondo, silat, Zumba, netball and volleyball. For details, visit http://www.mbsa.gov.my
> Kuala Selangor ratepayers can now use the new iP3KS online service for various services including to check and pay assessment fees, compounds, community hall booking and renew licences. For details, visit https://ip3ks.mdks.gov.my/
> Subang Jaya City Council has a mobile app for public complaints such as double parking, illegal dumping, flood and fallen trees. The Aduan Awam MBSJ app is available on Android and iOS platforms. Users must register at My@MBSJ before using the app.


The Taman Tun Dr Ismail project has a vegetable garden and a variety of fruit trees.


Vegetables are planted in a systematic and tidy manner at the premises of Seri Perlis 2 flats.

# Groups welcome timely urban farming guideline

## Policy allows those starting out to develop a suitable plan

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my




URBAN farming is growing in popularity, especially now during the Covid-19 pandemic.

Many people are spending more time at home and taking up farming as a resourceful hobby, while some are also earning an income from selling the produce.

While the authorities encourage the activity, some farms are being cultivated in areas that are not meant for such projects, thus disrupting the surroundings.

To regulate the activity, Housing and Local Government Ministry launched the Urban Community Farming Policy (UCFP) on Aug 3 as a guide for individuals or groups interested in pursuing such projects.

The National Landscape Department, an agency under the ministry, is the policy executioner.

Its director-general Rotina Mohd Daik said that despite a high number of urban gardens, the communities that managed them lacked knowledge on proper management, growing methods, maintenance and sustainable practices, among others.

She said the department's involvement in an earlier initiative by the ministry called Rakan Taman that was closely related to urban community farming, showed that these communities faced problems and challenges from the start.

"Many started gardens on illegal sites, grew unsuitable plants and had poor knowledge of garden tools and uses.

"That was when the idea for UCFP first came about," she said.

Rotina said the main objective of the policy was to develop urban community farms in an organised, systematic and sustainable manner in urban areas.

"In this community garden policy, guidelines are also provided for the community to carry out urban gardening activities.

"The policy touches on suitable farming areas, the processes of obtaining permission from the landowner and local authority, and includes advice on must-have elements of an urban farm such as boundaries between crops, compost site, crop rotation practices, watering methods and maintenance.

"Individuals wanting to grow vegetables or fruits in their house compounds need not seek any permission from the authorities.

"However, individuals or groups wanting to start a garden in a common area or any available space belonging to others, must seek the proper approvals.

"This is to avoid instances of people taking over spaces in prohibited areas such as recreational sites and children's playgrounds.

"The policy also touches on the type of crops suitable for urban gardens, among which are eggplant, lemongrass, carrot, cucumber and kale," she elaborated.

Rotina said Housing and Local Government Ministry hoped that the policy would increase gardening activities in urban areas in a more systematic and tidy manner, which in turn would increase social integration among the urban community.

She said the department would work closely with local councils to ensure the policy served local communities well as a guideline for those interested in creating their own urban farms.

"Residents associations, joint management bodies for strata properties and non-governmental organisations are encouraged to register their urban farm initiatives with the local authorities.

"Registered organisations will be able to receive support and guidance from the authorities.

"Some may even get financial aid for start-up capital from local authorities and the relevant agencies to jumpstart community garden projects," she added.

### Right time for guide

Persatuan Lestari Alam Malaysia chairman Rashdan Rashid said the launch of UCFP was a step in the right direction, as there was a growing interest in such projects.

Rashdan, who is also Kuala Lumpur urban farming chairman